

# Ambil peluang kukuh tali persaudaraan: PM

BH- 5/2/2019 m/s: 2

➔ Rai Tahun Baharu Cina dengan harmoni, jaga hubungan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Rakyat Malaysia diingatkan tidak memandang ringan soal menjaga hubungan antara masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di negara ini kerana ia bukan sesuatu yang mudah untuk dikekalkan.

Dalam perutusan sempena Tahun Baharu Cina, Tun Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat mengambil peluang bagi mengukuhkan lagi tali persaudaraan sesama kaum.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia amat bertuah dapat meraikan kepelbagaian kaum dengan penuh keharmonian dan aman, namun keadaan mungkin tidak sentiasa begitu.

Katanya, ada pihak cuba menjerakkan keharmonian ini untuk tujuan tertentu, sehubungan itu semua pihak diharap tidak membiarkan diri mereka terhasut dengan perkara sebegini.



“Di dalam sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum, agama, kita dapat meraikan kepelbagaian ini, dengan penuh keharmonian dan keamanan. Ini satu perkara yang biasa bagi kita.

## Jaga keharmonian negara

“Saya ucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua rakyat Malaysia, terutama berketurunan Tionghua. Perayaan ini antara perayaan utama rakyat di Malaysia yang bertuah ini,” katanya dalam video perutusan Tahun Baharu Cina yang dimuat naik di laman sosialnya, semalam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyeru rakyat supaya tidak membiarkan diri mereka

dihasad dengan perkara sedemikian, sebaliknya bersama-sama berikrar menjaga kestabilan, keharmonian serta keamanan negara disayangi ini.

“Saya harap kita semua akan teruskan tradisi kunjung mengunjungi rumah terbuka rakan dan taulan. Ambil peluang ini mengukuhkan lagi tali persaudaraan antara kita rakyat Malaysia,” katanya.

## Hargai nilai kekeluargaan

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mahu rakyat menghargai tradisi dan nilai kekeluargaan, terutama menghormati mereka yang lebih tua.

Beliau berkata, memandang-



Di dalam sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum, agama, kita dapat meraikan kepelbagaian ini, dengan penuh keharmonian dan keamanan. Ini satu perkara biasa bagi kita. Saya ucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua rakyat Malaysia terutama berketurunan Tionghua”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

kan Malaysia menuju ke arah ‘negara tua’, kepentingan nilai itu juga perlu ditanam dalam sanubari anak muda.

“Sampul merah Ang Pow, pakaian Cheong Sam yang cantik, tarian singa, kelazatan Yee Sang dan buah limau mandarin sering dikaitkan dengan sambutan Tahun Baharu Cina.

“Namun, paling penting ia melambangkan rasa hormat menghormati ibu bapa, mereka yang lebih tua dan peluang keluarga meluangkan masa bersama dan ini dapat membentuk masyarakat penyayang,” katanya.

Dr Wan Azizah berkata, mereka yang bukan berbangsa Cina juga dapat berasa kemeriahan perayaan apabila berkunjung ke rumah rakan berbangsa Cina.